



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

TINGKAT 4, BLOK A & B, WISMA NEGERI, NO. BEG BERKUNCI 39.
JALAN DATO' ABDUL KADIR,
70990 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.
www.ns.gov.my/ptgns
Pentadbiran : 06-765 9826/9831
Pembangunan : 06-765 9823/9835
Hasil : 06-765 9949/9756

Pendaftaran (Urusniaga/Bukan Urusniaga) : 06-765 9842/9843
Pendaftaran (Hak Milik Strata) : 06-765 9839/9793
Faks (Pengarah) : 06-762 2563
Faks (Pendaftaran Hak Milik Strata) : 06-767 4369
Faks (Pendaftaran Urusniaga/Bukan Urusniaga) : 06-765 9048

Rujukan Kami : Bil (22) dlm PTG.NS 4/148

Tarikh : 19 Julai 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN KEPUTUSAN MESYUARAT MAJLIS MESYUARAT
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN MENGENAI NOTIS YANG DIKELUARKAN
KEPADA RUMAH IBADAT**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan, Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan (MMKNS) yang diadakan pada **24 Jun 2020 [MMKN 80 / PARA 61 / MINIT III]** telah mengambil maklum mengenai notis yang dikeluarkan terhadap rumah ibadat yang dibina di tanah kerajaan tanpa merujuk kepada YB Tuan Arul Kumar A/L Jambunathan selaku Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Sumber Manusia, Perladangan Dan Hal Ehwal Bukan Islam terlebih dahulu. Mesyuarat bersetuju supaya sebelum notis dikeluarkan, perkara tersebut perlu dirujuk Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Sumber Manusia, Perladangan Dan Hal Ehwal Bukan Islam terlebih dahulu bagi mengelakkan permasalahan.

3. Kerjasama dan perhatian dari tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,

(AMINO AGOS BIN SUYUB)

b.p Pengarah Tanah dan Galian,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

s.k 1. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan Darul Khusus

2. Fail Timbul